

|            |                         |             |                     |
|------------|-------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | RM5 juta bantu usahawan |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian (Utara)    |             |                     |
| Date       | 03 Jun 2019             | Color       | Full Color          |
| Section    | NEWS                    | Circulation | 40,000              |
| Page No    | 21                      | Readership  | 120,000             |
| Language   | Malay                   | ArticleSize | 307 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | SAIFULLAH AHMAD         | AdValue     | RM 3,308            |
| Frequency  | Daily                   | PR Value    | RM 9,924            |



# RM5 juta bantu usahawan

**Kerajaan negeri gesa usahawan mohon pinjaman perniagaan**

SAIFULLAH AHMAD

GOPENG

**U**sahawan di Perak perlu merebut peluang bagi mendapatkan pinjaman tabung usahawan yang disediakan kerajaan negeri melalui Yayasan Perak.

Exco Agama, Pendidikan Islam, Luar Bandar dan

Pembangunan Usahawan Perak, Asmuni Awil berkata, sejumrah RM5 juta dipерuntukkan dalam Bajet Perak tahun ini untuk diaighkan kepada usahawan dalam bentuk pinjaman bagi membantu mengembangkan perniagaan.

Katanya, sehingga kini kira-kira RM1 juta sudah diaighkan kepada usahawan yang memerlukan dan peruntukan itu perlu dihabiskan sebelum Oktober tahun ini.

"Saya lihat produk yang dihasilkan usahawan kita berkualiti, cuma mungkin ada kelemahan sedikit dari sudut pembungkusan dan permasaran.

"Jadi kita sangat meng-



Asmuni menurunkan tandatangan di gegantung program sebagai gimbik perasmian sambil disaksikan Idris (kanan) di RTC Perak kelmarin.

alu-alukan mana-mana usahawan yang ingin bantuan modal untuk mengembangkan perniagaan mereka untuk memohon kepada Yayasan Perak bagi

mendapatkan pinjaman itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program My Best Buy In-

dustri Asas Tani Pra Aidilfitri di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak, di sini kelmarin.

Hadir sama, Pemangku Pengarah FAMA Perak, Idris Tahir.

Mengenai program berkenaan, Asmuni berkata, seramai 30 usahawan terlibat membabitkan 44 lot gerai yang menjual pelbagai jenis barang makanan, pakaian dan keperluan harian.

Sementara itu, Idris berkata, program berkenaan merupakan aktiviti tahunan FAMA yang kini masuk tahun keenam.

Katanya, nilai jualan pada tahun ini disasarkan sebanyak RM330,000 de-

ngan 16,000 pengunjung bermula 29 Mei lalu hingga 4 Jun nanti.

"Selain di RTC Perak, program ini turut diadakan di Dataran Menara Condong, Teluk Intan dan yang terbaru di tapak Pasar Tani Lekir, Sitiawan.

"Memang setiap tahun ada peningkatan dari segi penyertaan usahawan dan juga nilai jualan. Seperti tahun lalu, nilai jualan lebih kurang RM200,000 tetapi kita sasarkan pada tahun ini lebih banyak," katanya.

Beliau berkata, program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang malah Program My Best Buy ini diadakan setiap bulan di RTC Perak.